



Good food, Good life

TERMA DAN SYARAT

A. Jadual bagi Syarat Penyertaan

1. <u>Penganjur:</u>	Nestlé Products Sdn. Bhd. (197901000966).
2. <u>Peraduan:</u>	NESTLÉ HOME OF GOOD PERADUAN EMAS BONANZA.
3. <u>Tempoh Promosi:</u>	Promosi bermula jam 00:00:00 pada 15/10/2024 dan ditutup jam 23:59:59 pada 06/01/2025.
4. <u>Kelayakan:</u>	<ul style="list-style-type: none">a. Promosi ini adalah program perekutan ahli baharu Nestlé Home of Good dan terbuka kepada semua penduduk sah di Malaysia dengan dokumen pengenalan diri yang sah, berumur 18 tahun dan ke atas pada permulaan Tempoh Promosi (“Peserta”). Penganjur berhak untuk meminta bukti dokumen pengenalan diri.b. Untuk menyertai, Peserta mesti mendaftar sebagai ahli Nestlé Home of Good di Laman Web Promosi semasa Tempoh Promosi dengan melengkapkan Borang Web Pendaftaran di Laman Web Promosi di: https://www.nestlehomeofgood.com.my/ms/good-life/happenings/peraduan-emas-bonanza (“Laman Web Promosi”).c. Hanya ahli BARU Nestlé Home of Good yang mendaftar melalui Borang Web Pendaftaran Laman Web Promosi di URL yang diberikan di atas layak untuk Promosi.
5. <u>Peringkat Promosi:</u>	<ul style="list-style-type: none">a. Promosi ini dibahagikan kepada dua (2) peringkat seperti di bawah:<ul style="list-style-type: none">i. Peringkat 1 – Tiada pembelian diperlukan untuk menyertai dan berpeluang memenangi Hadiah Bonus Mingguan.ii. Peringkat 2 (Pilihan) – Pembelian diperlukan untuk menyertai dan memenangi Hadiah Peringkat 2.
6. <u>Peringkat 1:</u>	<ul style="list-style-type: none">a. <u>TIADA PEMBELIAN</u> diperlukan untuk menyertai Peringkat 1. Semua Peserta yang mendaftar sebagai Ahli Nestlé Home of Good melalui Borang Pendaftaran Laman Web Promosi, dengan atau tanpa menyerahkan Resit pembelian (rujuk Klausa 7: Peringkat 2), layak untuk menyertai Peringkat 1 dan berpeluang memenangi Hadiah Bonus Mingguan.b. Peserta boleh menghantar seberapa banyak penyertaan yang mereka inginkan untuk Peringkat 1 bagi meningkatkan peluang kemenangan mereka tetapi hanya penyerahan pertama yang layak akan dianggap sebagai <u>pendaftaran</u> Ahli Nestlé Home of Good.

	<p>c. Penganjur berhak untuk meminta bukti dokumen pengenalan diri. Kegagalan untuk mengemukakan atas permintaan akan menyebabkan pembatalan dan pelucutan hadiah.</p> <p>d. Semasa proses pemilihan Peringkat 1 – Finalis Hadiah Bonus Mingguan, Penganjur akan memperuntukkan satu (1) nombor bersiri kepada setiap penyertaan layak yang diterima.</p>
7. <u>Peringkat 2 (Pilihan):</u>	<p>a. Untuk mengambil bahagian dalam Peringkat 2 dan berpeluang memenangi Hadiah Peringkat 2, Peserta MESTI membeli sekurang-kurangnya Ringgit Malaysia Lapan (RM8) (“Pembelian Minima”) mana-mana Produk Nestlé yang turut serta dalam satu resit asal daripada mana-mana outlet dalam kedai (“Resit”) dan /atau tangkapan skrin invois daripada mana-mana platform dalam talian (“Invois”) semasa Tempoh Promosi.</p> <p>b. <u>Resit Outlet dalam Kedai:</u></p> <ul style="list-style-type: none"> i. Resit boleh didapati berupa resit bercetak dari sistem point-of-sale dan/atau resit bertulis untuk pembelian outlet di dalam kedai. Resit mesti mengandungi nama dan/atau logo outlet di mana pembelian dibuat. Sekiranya ini tidak tertera, Resit perlu dicap dengan cap rasmi syarikat outlet di mana pembelian dibuat. ii. Resit juga mesti mengandungi tarikh pembelian, Produk yang dibeli, jumlah pembelian Produk, nombor Resit dan nama dan/atau logo outlet (“Butiran Resit”). <p>c. <u>Invois Peniaga Dalam Talian:</u></p> <ul style="list-style-type: none"> i. Invois boleh didapati berupa tangkapan skrin invois untuk pembelian dalam talian daripada peniaga dalam talian. Invois mesti mengandungi nama dan/atau logo peniaga dalam talian di mana pembelian dalam talian dibuat. Untuk pembelian dalam talian dengan kod promosi dan/atau rebat dan/atau baucar diskaun dan/atau baucar penghantaran dan/atau lain-lain diskaun, jumlah pembayaran akhir Produk mestilah jumlah Pembelian Minima dan ke atas untuk layak. ii. Invois juga mesti mengandungi tarikh pembelian, Produk yang dibeli, jumlah pembelian, nombor invois, dan nama dan/atau logo peniaga dalam talian (“Butiran Invois”). <p>d. Peserta boleh menghantar seberapa banyak penyertaan yang mereka mahu tetapi setiap Resit dan/atau Invois unik (“Bukti Pembelian”) HANYA layak untuk satu (1) penyerahan penyertaan.</p> <p>e. Semasa proses pemilihan Finalis Hadiah Peringkat 2, Penganjur akan memperuntukkan nombor bersiri mengikut jumlah pembelian seperti yang dinyatakan dalam Bukti Pembelian yang diserahkan sehingga maksima sepuluh (10) nombor bersiri. Sebarang jumlah baki akan dibatalkan sebaik sahaja nombor bersiri maksima bagi setiap Bukti Pembelian telah diperuntukkan. Bagi setiap jumlah Produk Nestlé Ringgit Malaysia Lapan (RM8), Penganjur akan memperuntukkan satu (1) nombor bersiri.</p> <p><u>Contoh:</u></p> <p>Jika anda membeli dalam setiap Bukti Pembelian, semasa Tempoh Promosi:</p> <ul style="list-style-type: none"> - Jumlah Produk RM8.50, Penganjur akan memperuntukkan 1 nombor bersiri. - Jumlah Produk RM85.00, Penganjur akan memperuntukkan 10 nombor bersiri.

	<ul style="list-style-type: none"> - Jumlah Produk RM180.00, Penganjur akan memperuntukkan 10 nombor bersiri. <p>f. Penganjur berhak untuk membatalkan kelayakan mana-mana Bukti Pembelian yang tidak boleh dibaca, dengan butiran yang tidak lengkap, dicetak semula, berulang, tidak jelas, rosak, diubah dan/atau diubah suai dalam apa jua cara tanpa notis lanjut kepada Peserta. Untuk mengelakkan keraguan, Penganjur juga boleh, tanpa notis lanjut kepada Peserta, membatalkan kelayakan mana-mana Bukti Pembelian jika Penganjur mengesyaki bahawa Peserta menyerahkan Bukti Pembelian yang dihasilkan sendiri, dipalsukan atau dikeluarkan ke atas Produk yang belum dibeli ataupun yang atau bertujuan untuk dijual semula.</p>
8. <u>Kaedah Penyertaan:</u>	<p>a. <u>Penyerahan Penyertaan melalui Pendaftaran Laman Web Promosi:</u></p> <ul style="list-style-type: none"> i. Lawati Laman Web Promosi atau imbas Kod QR pada bahan Promosi dan lengkapkan Borang Web Pendaftaran. ii. Untuk kedua-dua Peringkat 1 dan Peringkat 2, isikan semua butiran peribadi yang diperlukan dan nombor mudah alih berdaftar di Malaysia yang serasi dengan WhatsApp untuk komunikasi selanjutnya ("Butiran Peribadi"). iii. Untuk Peringkat 1, selepas melengkapkan Borang Web Pendaftaran, klik 'hantar' ("Penyertaan Peringkat 1"). iv. Untuk Peringkat 2, tangkap satu (1) gambar/imej yang jelas dan boleh dibaca dalam format jpg atau jpeg atau png ("Imej") Bukti Pembelian dengan Butiran Bukti Pembelian yang diperlukan. v. Satu (1) Imej mesti mengandungi gambar satu (1) Bukti Pembelian dan saiz fail Imej mestilah kurang daripada 5MB. vi. Muat naik Imej pada Borang Web Pendaftaran dan klik 'hantar' ("Penyertaan Peringkat 2"). vii. Penganjur akan memaparkan mesej Terima Kasih untuk setiap Penyertaan yang diterima. <p>b. Penganjur akan mengeluarkan semua Penyertaan yang diterima untuk pemprosesan, pengesahan dan kelayakan selanjutnya. Penganjur berhak untuk membatalkan mana-mana Penyertaan dengan butiran peribadi Peserta yang tidak lengkap, tidak sah dan/atau pendua, Imej yang tidak jelas dan/atau tidak boleh dibaca dan/atau pendua dan/atau mengandungi lebih daripada satu (1) Imej Bukti Pembelian. Semua Penyertaan yang tidak memenuhi syarat yang dinyatakan di sini akan dibatalkan kelayakan oleh Penganjur tanpa notis lanjut kepada Peserta.</p> <p>c. Penganjur berhak untuk meminta bukti salinan cetak Bukti Pembelian (Peringkat 2) untuk pengesahan dan penebusan hadiah. Kegagalan untuk menghasilkan salinan cetak Bukti Pembelian asal atas permintaan akan menyebabkan pembatalan dan pelucutan.</p>
9. <u>Tarikh Tutup Penyertaan:</u>	Semua Penyertaan mesti diterima oleh Penganjur dalam Tempoh Promosi. Semua Penyertaan yang diterima di luar Tempoh Promosi akan dibatalkan secara automatik.

10. <u>Hadiah Peringkat 1:</u>	<p>a. Terdapat dua puluh (20) Hadiah Bonus Mingguan berupa satu (1) PIN Tambah Nilai Touch 'n Go e-Wallet RM100 setiap minggu selama dua belas (12) minggu berturut-turut.</p> <p>b. Terdapat sejumlah dua ratus empat puluh (240) Hadiah Bonus Mingguan untuk dimenangi sepanjang Tempoh Promosi.</p> <p>c. Kumpulan Penyertaan adalah berdasarkan tarikh penyerahan dan dua belas (12) tempoh mingguan adalah seperti di bawah:</p> <table border="0" data-bbox="403 548 1457 781"> <tbody> <tr> <td>Minggu 1: 15/10/2024 – 21/10/2024</td><td>Minggu 2: 22/10/2024 – 28/10/2024</td></tr> <tr> <td>Minggu 3: 29/10/2024 – 04/11/2024</td><td>Minggu 4: 05/11/2024 – 11/11/2024</td></tr> <tr> <td>Minggu 5: 12/11/2024 – 18/11/2024</td><td>Minggu 6: 19/11/2024 – 25/11/2024</td></tr> <tr> <td>Minggu 7: 26/11/2024 – 02/12/2024</td><td>Minggu 8: 03/12/2024 – 09/12/2024</td></tr> <tr> <td>Minggu 9: 10/12/2024 – 16/12/2024</td><td>Minggu 10: 17/12/2024 – 23/12/2024</td></tr> <tr> <td>Minggu 11: 24/12/2024 – 30/12/2024</td><td>Minggu 12: 31/12/2024 – 06/01/2025</td></tr> </tbody> </table>	Minggu 1: 15/10/2024 – 21/10/2024	Minggu 2: 22/10/2024 – 28/10/2024	Minggu 3: 29/10/2024 – 04/11/2024	Minggu 4: 05/11/2024 – 11/11/2024	Minggu 5: 12/11/2024 – 18/11/2024	Minggu 6: 19/11/2024 – 25/11/2024	Minggu 7: 26/11/2024 – 02/12/2024	Minggu 8: 03/12/2024 – 09/12/2024	Minggu 9: 10/12/2024 – 16/12/2024	Minggu 10: 17/12/2024 – 23/12/2024	Minggu 11: 24/12/2024 – 30/12/2024	Minggu 12: 31/12/2024 – 06/01/2025
Minggu 1: 15/10/2024 – 21/10/2024	Minggu 2: 22/10/2024 – 28/10/2024												
Minggu 3: 29/10/2024 – 04/11/2024	Minggu 4: 05/11/2024 – 11/11/2024												
Minggu 5: 12/11/2024 – 18/11/2024	Minggu 6: 19/11/2024 – 25/11/2024												
Minggu 7: 26/11/2024 – 02/12/2024	Minggu 8: 03/12/2024 – 09/12/2024												
Minggu 9: 10/12/2024 – 16/12/2024	Minggu 10: 17/12/2024 – 23/12/2024												
Minggu 11: 24/12/2024 – 30/12/2024	Minggu 12: 31/12/2024 – 06/01/2025												
11. <u>Maklumat Pengadilan – Hadiah Peringkat 1:</u>	<p>a. Sebagai sebahagian daripada proses pemilihan Finalis Hadiah Bonus Mingguan, Penganjur akan memperuntukkan nombor bersiri untuk setiap Penyertaan (dengan atau tanpa Bukti Pembelian), mengikut tarikh dan masa diterima dan diluluskan oleh Penganjur untuk menjadi Penyertaan yang berjaya setiap minggu, sepanjang Tempoh Promosi (setiap satu "Penyertaan Layak" dan secara kolektif "Penyertaan Layak"). Satu set nombor bersiri akan diperuntukkan untuk Penyertaan Layak bermula dari nombor siri "1".</p> <p>b. Setiap minggu nombor bersiri yang diperuntukkan kepada setiap Penyertaan Layak akan disusun kira dan dicampurkan untuk mendapatkan jumlah bilangan Penyertaan Layak Mingguan ("Jumlah Penyertaan Layak Mingguan"). Andainya Jumlah Penyertaan Layak Mingguan untuk Minggu 1 ialah <u>1001</u>, Penganjur akan mengira dan memilih berdasarkan yang berikut:</p> <p>i. Pemilihan (20) Finalis Hadiah Bonus Mingguan: $1001 \div 20 = 50.05$. Oleh sebab pembahagian 1001 dengan 20 akan menghasilkan nombor dengan nilai perpuluhan, nombor 50.05 akan dibundarkan ke bawah kepada <u>50</u>. 20 Peserta dengan Penyertaan Layak minggu tersebut yang diberikan nombor bersiri berikut akan dipilih: 50*, 100*, 150*, 200, 250 dan seterusnya (*contoh pengiraan: <u>50</u>, <u>50+50=100</u>, <u>100+50=150</u>).</p>												
12. <u>Hadiah Peringkat 2:</u>	<p>a. Terdapat sejumlah tiga puluh tiga (33) Hadiah-hadiah Peringkat 2 untuk dimenangi di akhir Tempoh Promosi. Hadiah-hadiah Peringkat 2 adalah seperti di bawah:</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Tiga (3) Hadiah Utama berupa satu (1) Bar Emas 20g 999.9 bernilai lebih kurang RM7,269* setiap satu. ii. Sepuluh (10) Hadiah Kedua berupa satu (1) 10g 999.9 Gold Bar bernilai lebih kurang RM3,812* setiap satu. iii. Dua Puluh (20) Hadiah Ketiga berupa satu (1) wang tunai RM1000 setiap satu. <p>(Nota untuk*: Nilai Hadiah Utama dan Hadiah Kedua adalah betul pada masa cetakan. Nilai emas adalah mengikut harga emas semasa. Sijil ketulenan HABIB JEWELS akan disertakan pada pembungkusan.)</p>												

13. <u>Maklumat Pengadilan – Hadiah Peringkat 2:</u>	<p>a. Sebagai sebahagian daripada proses pemilihan Finalis Hadiah Peringkat 2, Penganjur akan susun kira Penyertaan yang diterima dan memperuntukkan nombor bersiri, untuk setiap Penyertaan yang diterima dan diluluskan oleh Penganjur untuk menjadi penyertaan yang berjaya sepanjang Tempoh Promosi, mengikut Produk yang dibeli sebagai dinyatakan dalam Bukti Pembelian yang diserahkan (setiap satu "Penyertaan Layak" dan secara kolektif "Penyertaan Layak"). Satu set nombor bersiri akan diperuntukkan untuk Penyertaan Layak bermula dari nombor bersiri "1".</p> <p>b. Di akhir Tempoh Promosi, nombor bersiri yang diperuntukkan kepada setiap Penyertaan Layak akan disusun kira dan ditambah untuk mendapatkan jumlah bilangan Penyertaan Layak ("Jumlah Penyertaan Layak"). Andainya Jumlah Penyertaan Layak yang diterima ialah <u>30001</u>, Penganjur akan mengira dan memilih finalis berdasarkan yang berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Pemilihan tiga (3) Finalis Hadiah Utama: $30001 \div 3 = 10000.33$. Oleh sebab pembahagian 30001 dengan 3 akan menghasilkan nombor dengan nilai perpuluhan, nombor 10000.33 akan dibundarkan ke bawah kepada 10000. 3 Peserta dengan Penyertaan Layak yang diberikan nombor bersiri berikut akan dipilih: 10000*, 20000* dan 30000* (*contoh pengiraan: 10000, 10000+10000=20000, 20000+10000=30000). ii. Pemilihan sepuluh (10) Finalis Hadiah Kedua: $30001 \div 10 = 3000.10$. Oleh sebab pembahagian 30001 dengan 10 akan menghasilkan nombor dengan nilai perpuluhan, nombor 3000.10 akan dibundarkan ke bawah kepada 3000. 10 Peserta dengan Penyertaan Layak yang diberikan nombor bersiri berikut akan dipilih: 3000*, 6000*, 9000*, 12000, 15000, 18000, dan seterusnya (*contoh pengiraan: 3000, 3000+3000=6000, 6000+3000=9000). iii. Pemilihan dua puluh (20) Finalis Hadiah Ketiga: $30001 \div (20+1=21**) = 1428.61$. Oleh sebab pembahagian 30001 dengan 21 akan menghasilkan nombor dengan nilai perpuluhan, nombor 1428.61 akan dibundarkan ke bawah kepada 1428. 20 Peserta dengan Penyertaan Layak yang diberikan nombor bersiri berikut akan dipilih: 1428*, 2856*, 4284*, 5712, 7140, 8568, dan seterusnya (*contoh pengiraan: 1428, 1428+1428=2856, 2856+1428=4284). <i>(Nota untuk**: untuk mengelakkan pertembungan nombor bersiri yang dipilih, satu nombor digit rawak akan ditambah pada formula untuk pemilihan Hadiah Ketiga.)</i>
14. <u>Terma Tambahan:</u>	<p>a. Pembekal perkhidmatan Penganjur akan menghubungi semua Finalis terpilih melalui WhatsApp melalui Nombor WhatsApp Rasmi Promosi: <u>6018 322 2090</u> ke nombor mudah alih yang diterima Penganjur dalam Penyertaan Layak. Setiap Finalis akan diberikan satu (1) soalan untuk dijawab. Finalis terpilih mesti menjawab soalan yang diberikan oleh Penganjur dengan betul untuk memenangi Hadiah. Kegagalan untuk menjawab dengan betul dan/atau kegagalan untuk menjawab soalan yang diberikan oleh Penganjur dalam masa yang dinyatakan dalam mesej WhatsApp akan mengakibatkan pembatalan Hadiah. Penganjur tidak akan bertanggungjawab sekiranya Finalis yang dipilih tidak dapat dihubungi melalui WhatsApp atas apa juar sebab.</p>

- b. Setiap Peserta boleh di sepanjang Tempoh Promosi memenangi:
 - i. satu (1) Hadiah Peringkat 1, dan
 - ii. satu (1) Hadiah Peringkat 2 dengan nilai tertinggi sahaja.
- c. Semua Pemenang mesti memberikan butiran peribadi mereka yang diperlukan kepada Pengajur untuk pemenuhan hadiah, tanpanya Pengajur mungkin tidak dapat memenuhi hadiah tersebut. Pengajur berhak untuk membatalkan Hadiah mereka jika Pemenang gagal memberikan butiran penuh mereka atas permintaan. Pengajur berhak untuk membatalkan sebarang Penyertaan atau Hadiah jika butiran peribadi Peserta atau Pemenang (termasuk nama penuh, nombor pengenalan dan nombor mudah alih) didapati tidak tepat atau salah pada bila-bila masa.
- d. Pengajur berhak untuk meminta penyerahan salinan cetak asal Bukti Pembelian daripada Pemenang untuk pengesahan sebelum pemenuhan Hadiah. Kegagalan untuk menyerahkan Bukti Pembelian asal atas permintaan akan menyebabkan kehilangan kelayakan dan pembatalan. Selepas pengesahan, Pengajur berhak untuk membatalkan Hadiah mereka jika Pengajur mengesyaki bahawa Peserta menyerahkan Bukti Pembelian yang dihasilkan sendiri, dipalsukan atau dikeluarkan ke atas Produk yang belum dibeli.
- e. Semua Pemenang Hadiah Bonus Mingguan akan menerima Kod PIN Tambah Nilai Touch 'n Go e-Wallet daripada pembekal perkhidmatan Pengajur melalui WhatsApp melalui Nombor WhatsApp Rasmi Promosi: **6018 322 2090** ke nombor mudah alih yang diterima Pengajur dalam Penyertaan Layak dalam tempoh enam (6) hingga lapan (8) minggu dari tarikh tutup Promosi.
- f. Semua Pemenang Hadiah Bonus Mingguan mesti mematuhi terma dan syarat vendor dan pihak yang mengatur dan menyediakan Kod PIN Tambah Nilai Touch 'n Go e-Wallet. Sebarang yuran atau kos pentadbiran tambahan berkaitan dengan menebus Kod PIN Tambah Nilai Touch 'n Go e-Wallet akan menjadi tanggungjawab Pemenang. Penebusan dan penggunaan Kod PIN Tambah Nilai Touch 'n Go e-Wallet tertakluk pada Terma & Syarat Touch 'n Go Sdn Bhd (TNG Digital Sdn Bhd); <https://www.touchngo.com.my/assets/pdf/user-tnc.pdf>.
- g. Pengajur tidak akan bertanggungjawab jika mana-mana Kod PIN Tambah Nilai Touch 'n Go e-Wallet tidak boleh dihantar atau disampaikan kepada Peserta disebabkan sebarang perubahan, kesilapan dan/atau perbezaan dalam nombor telefon bimbit yang diterima oleh Pengajur dalam Penyertaan Layak.
- h. Semua Pemenang Hadiah Utama dan Hadiah Kedua akan menerima surat perakuan Pemenang dalam tempoh enam (6) hingga lapan (8) minggu dari tarikh tutup Promosi ke alamat yang diberikan oleh Pemenang. Pemenang dikehendaki mengambil Hadiah mereka di cawangan Habib Jewel terpilih seperti yang dinyatakan dalam surat akuan penerimaan Pemenang. Pengajur akan memilih cawangan Habib Jewel yang paling hampir dengan alamat yang diberikan oleh Pemenang.

	<p>i. Semua Pemenang Hadiah Ketiga akan menerima cek yang akan dibayar atas nama mereka melalui kurier dalam tempoh enam (6) hingga lapan (8) minggu dari tarikh tutup Promosi ke alamat yang diberikan oleh Pemenang. Semua cek WAJIB dimasukkan ke dalam akaun bank peribadi Pemenang. Penganjur berhak untuk membatalkan hadiah jika Pemenang gagal mendepositkan cek mereka dalam tempoh tarikh akhir yang dinyatakan.</p> <p>j. Penganjur berhak untuk memanjangkan tempoh yang dinyatakan di bawah klausa ini atas sebab-sebab di luar kawalan Penganjur. Penganjur berhak untuk menukar kaedah pemenuhan Hadiah yang dinyatakan di bawah klausa ini mengikut budi bicara Penganjur.</p> <p>k. Semua Hadiah yang tidak dituntut selepas tarikh tutup yang ditetapkan oleh Penganjur dalam pemberitahuan pemenang untuk pengambilan hadiah akan dibatalkan. Penganjur berhak untuk menggantikan mana-mana Hadiah dengan alternatif yang sama nilainya atau lebih besar.</p> <p>l. Semua Pemenang mesti mematuhi terma dan syarat pihak yang mengatur dan/atau menyediakan Hadiah serta terma dan syarat yang disertakan, jika ada.</p> <p>m. Pengumuman pemenang akan dipaparkan dalam tempoh 6 – 8 minggu dari tarikh tutup Tempoh Promosi di laman web Penganjur di: https://www.nestlehomeofgood.com.my/ms/good-life/happenings/peraduan-emas-bonanza.</p>																										
15. <u>Jenama & Produk Tidak Turut Serta:</u>	<p>a. Jenama dan Produk berikut tidak turut serta dalam Promosi:</p> <p>LACTOGEN, NAN, NAN H.A., PRE NAN, S26, S26 COMILAC, S26 PROGRESS, S26 PROMISE, S26 SMA, S26 GOLD PROGRESS, S26 GOLD PROMISE, ASCENDA, PROMAMA, STARBUCKS, NESPRESSO, NOVASOURCE® RENAL, NUTREN, OPTIFAST, ORAL IMPACT, PEPTAMEN, RESOURCE FRUIT, FELIX CAT, FANCY FEAST, FRISKIES, PURINA ONE, PRO PLAN, SUPERCOAT, OREO ICE CREAM, CADBURY ICE CREAM.</p> <table border="1"> <thead> <tr> <th>PRODUK</th> <th>SAIZ PEK</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td align="center" colspan="2">SEMUA PRODUK MINUMAN NESTLÉ PROFESSIONAL</td></tr> <tr> <td>COFFEE-MATE NDC Stk MP</td><td>2(500x5g) N3 MY</td></tr> <tr> <td>COFFEE-MATE CoffCrmr</td><td>12x1000g N2 XO</td></tr> <tr> <td>MILO Activ-Go</td><td>3.2kg Softpack MY</td></tr> <tr> <td>MILO ACTIV-GO Softpack</td><td>6x3.2kgN1 MY</td></tr> <tr> <td>MILO ACTIVGO BPck</td><td>6x3.5kgPR300gFreeMY</td></tr> <tr> <td>MILO ACTIV-GO Softpack</td><td>6x3.5kgPR300gMY</td></tr> <tr> <td>MILO ACTIVGO</td><td>2(150x15g) MY</td></tr> <tr> <td>MILO ACTIV-GO 3in1 Orgl Stp</td><td>6(40x33g) MY</td></tr> <tr> <td>MILO Mixes 3in1 Orgl Stp</td><td>6(40x33g)N1 MY</td></tr> <tr> <td>MILO ACTIVGO</td><td>2(150x15g) N1 MY</td></tr> <tr> <td>MILO ACTIV-GO Hot Mix</td><td>10x960g MY</td></tr> </tbody> </table>	PRODUK	SAIZ PEK	SEMUA PRODUK MINUMAN NESTLÉ PROFESSIONAL		COFFEE-MATE NDC Stk MP	2(500x5g) N3 MY	COFFEE-MATE CoffCrmr	12x1000g N2 XO	MILO Activ-Go	3.2kg Softpack MY	MILO ACTIV-GO Softpack	6x3.2kgN1 MY	MILO ACTIVGO BPck	6x3.5kgPR300gFreeMY	MILO ACTIV-GO Softpack	6x3.5kgPR300gMY	MILO ACTIVGO	2(150x15g) MY	MILO ACTIV-GO 3in1 Orgl Stp	6(40x33g) MY	MILO Mixes 3in1 Orgl Stp	6(40x33g)N1 MY	MILO ACTIVGO	2(150x15g) N1 MY	MILO ACTIV-GO Hot Mix	10x960g MY
PRODUK	SAIZ PEK																										
SEMUA PRODUK MINUMAN NESTLÉ PROFESSIONAL																											
COFFEE-MATE NDC Stk MP	2(500x5g) N3 MY																										
COFFEE-MATE CoffCrmr	12x1000g N2 XO																										
MILO Activ-Go	3.2kg Softpack MY																										
MILO ACTIV-GO Softpack	6x3.2kgN1 MY																										
MILO ACTIVGO BPck	6x3.5kgPR300gFreeMY																										
MILO ACTIV-GO Softpack	6x3.5kgPR300gMY																										
MILO ACTIVGO	2(150x15g) MY																										
MILO ACTIV-GO 3in1 Orgl Stp	6(40x33g) MY																										
MILO Mixes 3in1 Orgl Stp	6(40x33g)N1 MY																										
MILO ACTIVGO	2(150x15g) N1 MY																										
MILO ACTIV-GO Hot Mix	10x960g MY																										

	MILO Triple Conc BIB Region	2x5L MY	
	MILO Liquid Concentrate BIB	2x5L N1 MY	
	MILO Liquid Concentrate	12x1L MY	
	MILO Hot Mix ACTIV-GO	10x960g MY	
	NESCAFÉ CLASSIC Refill Pack	12x500g N1XO	
	NESCAFÉ CLASSIC RP BPck	12x550g PR50gN2MY	
	NESCAFÉ DECAF Sticks MP	(280x1.7g) AU	
	NESCAFÉ GOLD Stickpack	(300x2g) MY	
	NESCAFÉ CLASSIC Stp MP	2(480x2g) XO	
	NESCAFÉ CLASSIC Sachet	90x20g MY	
	NESCAFÉ Ice	10x750g N1 MY	
	NESCAFÉ White Coffee	16x1kg MY	
	NESCAFÉ High Roast	12x250g N1 MY	
	NESCAFÉ Tongkat Ali	16x1kg MY	
	NESCAFÉ ALEGRIA Delicate Pouch	12x250g XI	
	NESCAFÉ Excellente	12x0.5kg VN	
	NESCAFÉ Aromatico	12x0.5kg VN	
	NESCAFÉ WB Excellente	12x0.5kg N1 VN	
	NESCAFÉ WB Aromatico	12x0.5kg N1 VN	
	NESCAFÉ Tongkat Ali	16x1kg N1 MY	
	NESCAFÉ White Coffee	16x1kgN1MY	
	NESCAFÉ 2In1	16x900g N2 MY	
	NESCAFÉ Salted Caramel Latte	16x1kg MY	
	NESCAFÉ DELICATE Pouch	12x250g N1 XI	
	NESTEA Lemon Tea	16x560g MY	
	NESTEA Lemon Tea	16x560g N1 MY	
	NESTEA Peach Tea	16x680g N1 MY	
	NESTEANProHouseBlendExp	12x200gPH	
	NESTEA Black Tea	10x100g MY	
	NESTEA Teh Tarik	16x960g N1 MY	
	NESTLÉ Orange Drink	16x640gMY	
	NESTLÉ PinkLycheeLemonade Exp	12x200g PH	
	NESTLÉ NPro Lemonade Exp	12x200gPH	
	NESTLÉ Complete Mix Hot Choc	12x750g AU	
	NESTLÉ MILANO HfSkMPwdr 15.5%	10x500g XI	
	SJORA Lychee Berry	12x1L MY	
	SJORA Mango Peach Conc Rdcd Sgr	12x1L MY	
	SJORA Mango Peach Conc Rdcd Sgr	2x4L MY	
	SJORA MangoPeachConc Sgr Tax	2x4L N1XO	
	SJORA MangoPeachConc Sgr Tax	12x1L N1XO	
	<u>SEMUA PRODUK MAKANAN NESTLÉ PROFESSIONAL</u>		
	BUITONI Coulis de Tomate	6x3kg XX	
	HARVEST GOURMET Nuggets	2x2kg XO	
	HARVESTGOURMET SntlStirFryMnc	6(2x500g)XO	
	HARVEST GOURMET VeganChrgPiece	2x2kgXO	

	HARVEST GOURMET Cutlet	2x2kg XO	
	HARVEST GOURMET Sntl Brgr	2x2kg XO	
	Harvest Gourmet F'shFrFingers	2x2kg XO	
	IKEA Nuggets	12x360g XO	
	IKEA SntlBurger	16x282g XO	
	HARVEST GOURMET Vegan Pieces	2x2kg XO	
	NESTLÉ PROFESSIONAL KITKAT Spread	3kg XE	
	NESTLÉ PRO KITKAT Spread	3kg N1 XE	
	NESTLÉ KIT KAT BITES Mix-In	36x240g N2MY	
	KIT KAT 2F Unwrapped	216x17g N2PH	
	MAGGI Tomato Paste	4x4.5kg MY	
	MAGGI Seasoning	6x800ml N1 MY	
	MAGGI NPro Mashed PotatoCmplMix	6x2.5kgXK (Pouch)	
	MAGGI Panggang Sauce	6x1.2kg MY	
	MAGGI Imperial OysterFlvSauce	6x3.3kg MY	
	MAGGI Cream of Mushroom Soup	8x1kg MY	
	MAGGI Mashed Potato Gluten Free	4kg MY	
	MAGGI Lime Powder	15x350g TH	
	MAGGI Basic Brown Sauce Mix	8x1KG MY	
	MAGGI Chicken Stock Wholeness	8x1KG MY	
	MAG2-MINN Curry Ctn	(12((5+1)79g))PRRcpMY	
	MAGGI Beef Stock	8x1kg N1 MY	
	MAGGI Ikan Bilis Stock	8x1kg MY	
	MAGGI Chicken Stock	8x1kg N1 MY	
	MAGGI Demi Glace Brown Sauce	8x1kg MY	
	MAGGI Instant ChickenGravy NAMSG	8x1kgMY	
	MAGGI Chicken Stock	8x1.1kg PR 100g MY	
	MAGGI Cukup Rasa AIO	10x750g MY	
	MAGGI Chef Master Stock	6x1.2kg MY	
	MAGGI Concentrated Chkn Stock	6x1.2kg MY	
	MAGGI Concentrate Veg Stock	6x1.2kg MY	
	MAG Conc Chicken Stock No MSG	6x1.2kg MY	
	MAGGI Chilli Sauce	12x1.5kg MY	
	MAGGI Tomato Ketchup	12x1.5kg MY	
	MAGGI Oyster Flavoured Sauce	12x1.5kg MY	
	MAGGI Tomato Ketchup	6x3.3kg MY	
	MAGGI Chilli Sauce	6x3.3kg MY	
	NESTLÉ PROFESSIONAL Spread Choc	5kg TR	
	NESTUM All FamilyCerealOriginal	6x1kgMY	

Jadual bagi Syarat Penyertaan ini mesti dibaca bersama dengan Syarat Penyertaan dan Notis Privasi yang boleh didapati di: <https://www.nestlehomeofgood.com.my/good-life/happenings/peraduan-emas-bonanza>, secara kolektif dinamakan “Terma dan Syarat”, yang akan mengikat semua peserta (dan ibu bapa/penjaga sah peserta, dalam kes peserta di bawah umur) yang menyertai Promosi ini (selepas ini dirujuk sebagai “Peserta”, “Anda”).

B: Syarat-syarat Penyertaan

1. Pengenalan

- 1.1 Syarat-syarat Penyertaan ini mesti dibaca bersama dengan Jadual Syarat Penyertaan. Jika terdapat sebarang percanggahan antara Syarat-syarat Penyertaan dan Jadual Syarat Penyertaan, Jadual Syarat Penyertaan hendaklah diguna pakai. Syarat-syarat Penyertaan dan Jadual Syarat Penyertaan secara kolektif akan dirujuk sebagai "Terma dan Syarat". Setiap terma yang berhuruf besar jika tidak dinyatakan selainnya di dalam ini hendaklah mempunyai maksud yang ditakrifkan untuk terma sedemikian dalam Jadual Syarat Penyertaan. Terma yang ditakrifkan boleh digunakan untuk bentuk mufrad dan jamak mengikut keadaan.
- 1.2 Penganjur berhak mengikut budi bicara, tanpa memberi notis terlebih dahulu, dan tanpa menanggung sebarang liabiliti terhadap sesiapa, pada bila-bila masa untuk mengubah Terma dan Syarat termasuk mengubah Tempoh Promosi, membuat penggantian Hadiah, membatalkan, menamatkan atau menggantung Promosi secara keseluruhan atau sebahagiannya. Sekiranya terdapat sebarang perubahan kepada Terma dan Syarat, Peserta bersetuju bahawa Penyertaan berterusan mereka dalam Promosi akan menandakan penerimaan mereka terhadap Terma dan Syarat (sebagaimana yang diubah).
- 1.3 Keputusan Penganjur dalam semua perkara yang berkaitan dengan Promosi termasuk pengadilan dan pemilihan pemenang adalah muktamad, mengikat dan konklusif pada semua Peserta, dan tidak boleh dipertikaikan oleh semua Peserta. Sebarang surat menyurat atau rayuan berkaitan pengadilan dan pemilihan pemenang tidak akan dilayan.

2. Penyertaan Promosi

- 2.1 Dengan mengemukakan penyertaan untuk Promosi ini, Peserta dianggap sudah memahami dan bersetuju untuk terikat dengan Terma dan Syarat ini.
- 2.2 Semua kos dan perbelanjaan yang ditanggung dan/atau timbul daripada penyertaan dalam Promosi ini, termasuk tetapi tidak terhad kepada caj telekomunikasi, rangkaian, Khidmat Pesanan Ringkas, pos dan semua caj lain sedemikian dan perbelanjaan sendiri yang mungkin dibelanjakan semasa atau berhubung dengan Promosi ini hendaklah ditanggung oleh Peserta.
- 2.3 Bukti penghantaran penyertaan bukanlah bukti penerimaan, dan Penganjur tidak boleh dipertanggungjawabkan terhadap sebarang penyertaan yang lewat, hilang, rosak dan/atau bukti penerimaan yang tidak diterima. Penganjur tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang kesilapan, ketinggalan, gangguan, pemadaman, kerosakan, kelewatan operasi atau penghantaran, kegagalan talian komunikasi, kecurian atau kemusnahan, capaian tanpa izin, atau pengubahsuaian komunikasi pengguna atau ahli, atau sebarang masalah atau gangguan teknikal terhadap sebarang rangkaian atau talian telekomunikasi, sistem komputer dalam talian, pelayan atau penyedia perkhidmatan, peralatan komputer, sistem perisian,

kegagalan e-mel atau pemain akibat masalah teknikal atau kesesakan lalu lintas di Internet.

3. Kelayakan

- 3.1 Sepertimana yang dinyatakan dalam Jadual Syarat Penyertaan, sekiranya Peserta berumur di bawah lapan belas (18) tahun, Peserta dikehendaki mendapatkan kebenaran bertulis (dalam bentuk yang akan ditentukan oleh Penganjur), daripada ibu bapa/penjaga sah mereka sebelum menyertai Promosi ini dan mengemukakan sebarang maklumat peribadi.
- 3.2 Penganjur boleh meminta Peserta untuk memberikan bukti kelayakan untuk menyertai Promosi ini termasuk tetapi tidak terhad kepada dokumen pengenalan, dan kebenaran bertulis ibu bapa/penjaga sah untuk Peserta di bawah umur lapan belas (18) tahun.

4. Ketidaklayakan

Kumpulan orang yang dinyatakan di bawah tidak layak untuk menyertai Promosi ini:

- (a) Kakitangan Penganjur dan syarikat-syarikat dalam kumpulannya dan ahli keluarga terdekat mereka (suami isteri, anak, ibu bapa, adik-beradik dan suami isteri adik beradik mereka); dan
- (b) Kakitangan agensi Penganjur yang berkaitan dengan Promosi ini dan ahli keluarga terdekat mereka (suami isteri, anak, ibu bapa, adik-beradik dan suami isteri adik beradik mereka).

5. Perlucutan Kelayakan

- 5.1 Penyertaan berikut akan dilucutkan kelayakannya:
 - (a) penyertaan yang tidak jelas, tidak lengkap, berulang, salinan, tidak boleh dibaca atau tidak betul; dan/atau
 - (b) penyertaan yang melanggar Terma dan Syarat, mana-mana undang-undang dan/atau peraturan yang berkuat kuasa.
- 5.2 Selain itu, Penganjur berhak untuk melucutkan kelayakan mana-mana Peserta yang:
 - (a) menjelaskan, telah atau cuba menjelaskan perjalanan Promosi dengan pemalsuan, atau penipuan; dan/atau
 - (b) tidak layak atau tidak dapat mengemukakan bukti kelayakan untuk menyertai Promosi ini untuk pengesahan Penganjur apabila diminta.
- 5.3 Sekiranya perlucutan kelayakan berlaku selepas Hadiah diberikan, Penganjur berhak untuk menuntut pemulangan Hadiah atau bayaran nilainya daripada Peserta yang dilucutkan kelayakannya.

6. Hadiah

- 6.1 Penganjur, ejen, penaja dan wakilnya tidak bertanggungjawab terhadap mana-mana Peserta yang gagal menuntut Hadiah menurut ketetapan Tuntutan Hadiah/Tarikh Penghantaran dalam apa keadaan sekalipun. Penganjur berhak menentukan pengurusan Hadiah yang tidak dituntut.
- 6.2 Hadiah sama sekali tidak boleh dipindah milik, diserah hak, ditukar atau ditebus oleh Peserta dalam apa-apa bentuk lain atau cara lain daripada yang ditetapkan oleh Penganjur.
- 6.3 Sebarang kos tambahan yang tidak dinyatakan secara khusus dalam Jadual Syarat Penyertaan berkaitan Hadiah hendaklah ditanggung oleh Pemenang.
- 6.4 Semua Hadiah mesti diambil menurut terma dan syarat Penganjur, ejennya, penaja atau pihak ketiga yang menyediakan Hadiah.

(a) **Tiket Acara:**

Penganjur tidak bertanggungjawab terhadap sebarang pembatalan atau penjadualan semula yang boleh menghalang penunaian Hadiah. Tiket hanya boleh digunakan pada tarikh yang dinyatakan pada tiket.

(b) **Hadiah Pelancongan/Percutian:**

Jika pelancongan ditawarkan sebagai Hadiah, penerbangan dan penginapan adalah tertakluk kepada ketersediaan pada masa tempahan. Hadiah mesti dituntut menurut tarikh dan destinasi yang ditetapkan oleh Penganjur, ejennya atau penaja. Wang untuk perbelanjaan tambahan, makanan, cukai, pasport yang sah, visa, pengangkutan pergi & balik dari tempat berlepas dan perjalanan tambahan, insurans & semua kos sampingan lain yang tidak dinyatakan secara khusus dalam Jadual Syarat Penyertaan adalah tanggungjawab Pemenang.

- 6.5 Hadiah diberikan berdasarkan "keadaan seperti sedia ada". Hadiah hendaklah digunakan/diambil sepenuhnya atas risiko Peserta dan Penganjur sama sekali tidak memberi sebarang jaminan mahupun menanggung sebarang liabiliti berhubung dengan Hadiah setakat yang dibenarkan undang-undang.
- 6.6 Hadiah hendaklah dituntut sendiri melainkan Penganjur menetapkan cara lain untuk tuntutan.
- 6.7 Di mana seorang Peserta masih di bawah umur lapan belas (18) tahun dan diumumkan sebagai pemenang Hadiah, Peserta mesti ditemani oleh ibu bapa/penjaga sah mereka sepanjang upacara penyampaian Hadiah.

7. Publisiti

Penganjur boleh menggunakan penyertaan seorang Peserta termasuk tetapi tidak terhad kepada gambar, lukisan, teks, dan sebarang kandungan atau maklumat lain yang dikemukakan untuk tujuan Promosi (secara kolektif dirujuk sebagai "Material"), dan nama Peserta, dan/atau persamaannya, untuk pengiklanan, publisiti dan Promosi mana-mana barang Penganjur, untuk tempoh tidak terhad di seluruh dunia tanpa

pampasan, dan di mana-mana media. Peserta hendaklah melakukan segala perkara yang perlu untuk tujuan ini jika diminta oleh Penganjur.

8. Hak Milik Harta Intelek

Peserta bersetuju bahawa segala hak milik harta intelek dalam sebarang kandungan dan/atau material yang dikemukakan, dibuat atau dicipta oleh Peserta berhubung dengan Promosi ini dan sebarang hasil kerja terbitan yang timbul daripadanya akan secara kekal dan tanpa syarat menjadi hak, kepunyaan dan milik Penganjur. Penganjur berhak menggunakan dan mengubah suai material atau hasil kerja tersebut dalam apa cara sekalipun yang dianggap sesuai tanpa pampasan kepada Peserta dan Peserta mengetepikan segala haknya ke atas material atau hasil kerja tersebut.

9. Indemniti

Setiap Peserta bersetuju untuk melindungi, melepaskan dan tidak mempertanggungjawabkan Penganjur dan syarikat pegangan, subsidiari atau syarikat berkaitannya sebagaimana ditetapkan dalam Akta Syarikat 2016 (“Kumpulan Nestlé Malaysia”), para pengarah, pegawai, kakitangan, ejen, penaja dan/atau wakilnya daripada sebarang dan semua kerugian, hak, tuntutan, tindakan dan kerosakan (termasuk kerosakan khas, tidak langsung dan kerosakan berbangkit) yang timbul daripada atau ditanggung akibat penyertaan Peserta dalam Promosi, penerimaan sebarang Hadiah, dan/atau penggunaan penyertaan Peserta dan/atau persamaannya berhubung dengan Promosi ini atau pelanggaran Terma dan Syarat.

10. Had Liabiliti

- 10.1 Penyertaan Peserta dalam Promosi ini adalah atas risiko Peserta sendiri.
- 10.2 Penganjur, Kumpulan Nestlé Malaysia, para pengarah, pegawai, kakitangan, ejen, penaja dan/atau wakilnya tidak boleh dipertanggungjawabkan ke atas mana-mana Peserta berhubung dengan sebarang kerugian atau kerosakan dan sebagainya yang ditanggung, termasuk tetapi tidak terhad kepada kerugian secara tidak langsung atau berlanjutan, atau untuk kecederaan peribadi yang ditanggung atau dialami oleh Peserta yang timbul daripada atau berhubung dengan penyertaan Peserta dalam Promosi ini, dan juga penebusan dan/atau penggunaan sebarang Hadiah yang dimenangi.

11. Am

- 11.1 Penganjur, ejen, penaja dan/atau wakilnya tidak boleh dipertanggungjawabkan untuk menunaikan mana-mana kewajipan mereka berhubung dengan Promosi dan Terma dan Syarat di mana mereka tidak dapat berbuat demikian disebabkan keadaan di luar kawalan mereka dan tidak boleh dipertanggungjawabkan untuk memberi pampasan kepada Peserta dalam apa cara sekalipun dalam keadaan sedemikian.
- 11.2 Sebarang nama, tanda perdagangan atau logo yang digunakan dan/atau diterbitkan semula dalam sebarang material (termasuk material pemasaran dan Promosi) berhubung dengan Promosi ini, khususnya yang berkaitan Hadiah, adalah hak milik pemilik masing-masing. Promosi ini dan Penganjur tidak mempunyai pertalian dengan,

atau mendapat pengesahan atau tajaan daripada pemilik berkenaan, melainkan dinyatakan sebaliknya, dan pemilik berkenaan bukanlah sebahagian daripada syarikat kumpulan Penganjur.

- 11.3 Peserta tidak berhak untuk menyerah mana-mana hak atau sub kontrak mana-mana kewajipan yang terkandung di sini. Penganjur berhak untuk menyerahkan atau melesenkan seluruh atau mana-mana bahagian haknya kepada mana-mana pihak ketiga sebagaimana yang boleh ditentukan oleh Penganjur.
- 11.4 Ketidaksahan, kesalahan dari segi undang-undang atau ketidakbolehan penguatkuasaan mana-mana Terma dan Syarat Promosi ini tidak akan mempengaruhi atau menjelaskan kesinambungan pelaksanaan Terma dan Syarat Promosi yang selainnya.
- 11.5 Di mana Terma dan Syarat Promosi ini disediakan dalam bahasa Inggeris dan bahasa yang lain, sekiranya terdapat sebarang ketidakseragaman antara bahasa Inggeris dan bahasa lain, versi bahasa Inggeris hendaklah diguna pakai dan dikuatkuasa dalam semua hal.
- 11.6 Terma dan Syarat Promosi ini hendaklah diertikan, ditadbir, dan ditafsirkan menurut undang-undang Malaysia.

12. Notis Privasi

- 12.1 Dengan menyertai Promosi, Peserta bersetuju dengan pemprosesan Data Peribadi Peserta oleh Penganjur mengikut Notis Privasi di https://www.nestle.com.my/info/privacy_policy/privacy_bm.
- 12.2 By participating in the Promotion, the Participant agrees to the processing of the Participant's Personal Data by the Organizer in accordance with the Privacy Notice in https://www.nestle.com.my/info/privacy_notice.